

**PEJABAT BENDAHARI  
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

KUIITTHO.PB/10.12/14 ( 12 )

Tarikh: 17 Mac 2003

**SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 3/2003**

Semua Pengurus Bahagian  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Y. Bhg Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

**KEMUDAHAN PEMBAYARAN ZAKAT MELALUI POTONGAN GAJI**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Agama Islam Negeri Johor menyediakan kemudahan pembayaran zakat melalui potongan gaji untuk dimanfaatkan oleh staf Universiti. Borang pembayaran zakat melalui potongan gaji boleh didapati di Pejabat Bendahari. Borang hendaklah diisi dalam 1 salinan dan dikembalikan kepada pihak Unit Gaji dan Pinjaman, Pejabat Bendahari.


Bersama-sama ini disertakan surat dari Majlis Agama Islam Negeri Johor, rujukan (223) dlm (ZKT) 7/19 Pt 2 bertarikh 13 Februari 2003 yang menerangkan mengenai kemudahan tersebut untuk perhatian Y. Bhg Dato' / Prof. / Tuan / Puan.

Kerjasama dan perhatian Y. Bhg Dato' / Prof. / Tuan / Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkannya kepada staf di bahagian saudara.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang benar



**ABU BAKAR BIN HUSSAIN**

Bendahari

☎ 4536007

- s.k
1. Yang Berbahagia Rektor, KUIITTHO
  2. Timbalan Rektor (HEP)
  3. Timbalan Rektor (Akademik)
  4. Pemangku Pendaftar
  5. Unit Audit Dalam



# مجلس ائام اسلام نكري جوهر

## MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

Tingkat 2, Kompleks Islam Johor  
Jalan Masjid Abu Bakar  
80990 Johor Bahru

No.Tel(P) : 07-2282999 (dl)  
: 07-2282937 (dl)  
: 07-2282935 (dl)  
Fax : 07-2238752  
E-mail : [Majj@tm.net.my](mailto:Majj@tm.net.my)

Ruj. Tuan : (223) dlm (ZKT)7/19 Pt 2

رجوعكن توان :


Ruj. Kami : 11 Zulhijjah 1423

رجوعكن كامى :

Tarikh : 13 Februari 2003

تاريخ :

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ



Rektor  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn  
Karung Berkunci 101,  
86400 Parit Raja, Batu Pahat

Berd

Umrfr.

2/2

Tuan ,

### KEMUDAHAN PEMBAYARAN ZAKAT HARTA MELALUI POTONGAN GAJI

Puan Zuhaila  
sila sediakan

Merujuk perkara di atas adalah berkait.

surat Kelulusan untuk  
melakukan semua spt

2. Dengan hormatnya Pentadbiran Zakat Majlis Agama Islam Negeri Johor dalam usahanya menerapkan kesedaran mengenai kewajipan berzakat kepada seluruh masyarakat Islam di Negeri Johor.

Umrfr.  
2/2

3. Merujuk kepada jadual Potongan Cukai Berjadual ( PCB Pindaan 2000 / 2001/2002 ), Lembaga Hasil Dalam Negeri telah membenarkan majikan untuk membuat pelarasan di antara PCB pekerja dengan pembayaran zakat yang ingin dilakukan oleh pekerja Islam . Bagi pekerja yang tidak dikenakan PCB tetapi berminat membuat bayaran Zakat melalui potongan gaji , mereka boleh juga menggunakan kemudahan ini.

4. Sukacita dimaklumkan Jabatan Akauntan Negara telah membenarkan dan memberikan Kod Potongan ( 5757 ) , Objek Amanah ( 85699 ) bagi pegawai/kakitangan Persekutuan dan Perbendaharaan Negeri Johor memberi kebenaran menggunakan kod Potongan ( 2509 ) untuk pegawai/kakitangan Negeri Johor dan Jabatan Buruh telah memberikan kelulusan secara berkelompok di bawah Seksyen 24(2)(e) Akta Kerja 1955 bagi pegawai / kakitangan swasta.



Umrfr.  
2/2

5. Sehubungan itu , Pentadbiran Zakat Majlis Agama Islam Negeri Johor ingin memohon dengan izin untuk mempelawa pegawai dan kakitangan KUiTTHO menggunakan kemudahan pembayaran Zakat melalui Potongan Gaji Bulanan.

6. Bersama-sama ini disertakan 2 helai borang dan risalah pembayaran Zakat melalui Potongan Gaji untuk makluman pihak tuan. Jika terdapat sebarang kemusykilan , Pentadbiran Zakat & Fitrah Majlis Agama Islam Negeri Johor bersedia memberikan taklimat lanjut berhubung pelaksanaan pembayaran Zakat melalui Potongan Gaji.

Sekian terima kasih.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “**

Saya Yang Menurut Perintah



( **USTAZ AZLAN BIN ABDULLAH** )  
Penolong Pengarah  
Zakat & Baitulmal ( kutipan )  
Majlis Agama Islam Negeri Johor

HRHJ/AA/Jup/ZktPotonganGaji

**“ BERZAKAT MEMBAWA BERKAT “**